Kemanusiaan Vol. 33, No. 2 (2026), 1–20

Semantik Istilah Kaum Muda dan Kaum Tua dalam Wacana Pemikiran Melayu

The Semantics of Kaum Muda and Kaum Tua in Malay Intellectual Discourse

IBRAHIM MAJDI MOHAMAD KAMIL

Philosophy and Civilization Section, School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia

E-mail: ibrahimmajdi@usm.my

Published online: 30 October 2026

To cite this article: Ibrahim Majdi Mohamad Kamil. 2026. Semantik istilah Kaum Muda dan Kaum Tua dalam wacana pemikiran Melayu. KEMANUSIAAN *the Asian Journal of Humanities* 33(2): 1–20. https://doi.org/10.21315/kajh2026.33.2.1

To link to this article: https://doi.org/10.21315/kajh2026.33.2.1

Abstract. *This article examined the ideological contestation within Malay Muslim society through a semantic and critical discourse analysis of the terms Kaum Muda and Kaum Tua in William R. Roff's seminal work, particularly the chapter "Kaum Muda–Kaum Tua: Innovation and Reaction" in The Origins of Malay Nationalism (1967). Adopting a qualitative approach that integrated historical analysis, content analysis and both contextual and critical semantics, the study investigated how these terms functioned as discursive tools to frame reformist and conservative ideologies. Findings revealed that Kaum Muda and Kaum Tua were not neutral descriptors but ideologically loaded categories that constructed perceptions of legitimacy, authority and modernity. Semantic field analysis identified overlapping and contested meanings within networks of related terms, including ijtihad, taqlid, tradition and progress, highlighting the dynamic nature of these labels. The study argued that Roff's lexical choices reinforced a binary of "innovation" versus "reaction," while also acknowledging ambiguities that complicated this dichotomy. By situating these terms within the colonial and postcolonial contexts, the article demonstrates their enduring relevance in contemporary debates on Malay Muslim identity and authority. This research contributes to linguistics and discourse studies by showing how language operates as a mechanism of power and ideology in shaping intellectual history and socio-political narratives.*

Keywords and phrases: *Kaum Muda, Kaum Tua, critical semantics, discourse ideology, Malay Muslim identity*

© Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2026. This work is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY) (http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/).

Abstrak. Makalah ini meneliti pertentangan ideologi dalam masyarakat Melayu Muslim melalui analisis semantik dan wacana kritis terhadap istilah Kaum Muda dan Kaum Tua dalam karya William R. Roff, khususnya bab "Kaum Muda–Kaum Tua: Innovation and Reaction" dalam The Origins of Malay Nationalism (1967). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menggabungkan analisis sejarah, kandungan dan semantik kontekstual serta kritis untuk memahami sejauh mana istilah ini berfungsi sebagai alat wacana dalam membingkai ideologi reformis dan konservatif. Hasil kajian menunjukkan bahawa istilah Kaum Muda dan Kaum Tua bukan sekadar label neutral, tetapi kategori sarat ideologi yang membentuk persepsi tentang legitimasi, autoriti dan kemodenan. Analisis medan makna mengenal pasti pertindihan dan makna yang dipertandingkan dalam jaringan istilah seperti ijtihad, taklid, tradisi dan kemajuan, menonjolkan sifat dinamik istilah ini. Kajian ini berpendapat bahawa pilihan leksikal Roff mengukuhkan dikotomi "inovasi" berbanding "reaksi", sambil mengakui ambiguiti yang mencabar pembacaan binari. Dengan meletakkan istilah ini dalam konteks kolonial dan pascakolonial, makalah ini menegaskan kerelevan kesinambungan istilah tersebut dalam wacana kontemporari tentang identiti dan autoriti Melayu Muslim. Kajian ini menyumbang kepada bidang linguistik dan kajian wacana dengan menunjukkan sejauh mana bahasa berfungsi sebagai mekanisme kuasa dan ideologi dalam membentuk sejarah intelektual dan naratif sosio-politik.

Kata kunci dan frasa: Kaum Muda, Kaum Tua, semantik kritis, wacana ideologi, identiti Melayu Muslim.

Pengenalan

Pertembungan aliran pemikiran dalam kalangan masyarakat Melayu merupakan fenomena yang dinamik dan berterusan, dengan implikasi mendalam terhadap pembentukan identiti, budaya dan arah tuju masyarakat Melayu hingga ke hari ini. Perdebatan antara dua aliran utama, iaitu Kaum Muda dan Kaum Tua, telah menjadi titik tolak kepada pelbagai perubahan dalam wacana keagamaan, pendidikan dan sosial (Roff 1967). Pertembungan ini bukan sahaja mencerminkan perbezaan ideologi, tetapi turut dizahirkan melalui penggunaan bahasa yang sarat dengan makna tersirat dan tersurat, menjadikan istilah-istilah tersebut sebagai alat penting dalam pembentukan naratif dan persepsi masyarakat.

Dalam konteks kajian pemikiran Melayu, penggunaan istilah seperti Kaum Muda dan Kaum Tua bukan sekadar identiti kelompok, tetapi juga berfungsi sebagai representasi ideologi yang kompleks. Bahasa yang digunakan untuk melabel dan mengelompokkan kedua-dua aliran ini memainkan peranan penting dalam membentuk wacana intelektual dan sosial. Oleh itu, analisis terhadap makna dan penggunaan istilah ini perlu dilakukan secara mendalam, bukan hanya dari sudut sejarah, tetapi juga dari sudut linguistik dan semantik. Pendekatan pragmatik dan analisis wacana kritis akan digunakan untuk meneliti sejauh mana istilah-istilah ini bukan sahaja membawa makna leksikal, tetapi juga berfungsi dalam konteks sosial untuk membentuk kuasa, ideologi dan hubungan antara

kelompok. Analisis ini membantu memahami sejauh mana bahasa menjadi alat hegemoni dan perundingan makna dalam wacana Melayu.

Kajian awal berkenaan aliran pemikiran Melayu banyak dipelopori oleh para orientalis, iaitu sarjana Barat yang mengkaji dunia Timur dari pelbagai sudut, termasuk sejarah, budaya dan agama. Menurut Mohamad Saleeh Rahamad (2014), orientalis merujuk kepada penulis atau sarjana yang mempunyai pengetahuan mendalam tentang dunia Timur. Dalam konteks Malaysia, tokoh-tokoh seperti Stamford Raffles, Richard Olaf Winstedt, R.J. Wilkinson dan William R. Roff telah memainkan peranan penting dalam mendokumentasikan dan menganalisis masyarakat Melayu. Walaupun pendekatan orientalis sering dikritik kerana bersifat eurosentrik dan bias, karya-karya mereka tetap menjadi sumber penting dalam kajian sejarah dan pemikiran tempatan.

Makalah ini berfokus pada pandangan William R. Roff, seorang orientalis yang terkenal dengan karya pentingnya *The Origins of Malay Nationalism* (1967). Karya ini telah menjadi salah satu rujukan utama dalam memahami kebangkitan nasionalisme Melayu dan peranan institusi sosial seperti madrasah, persuratkhabaran dan gerakan intelektual dalam membentuk kesedaran politik. Dalam bab "Kaum Muda–Kaum Tua: Innovation and Reaction", Roff membincangkan perbezaan antara dua aliran tersebut, namun perbincangan tersebut sering dilihat dari sudut sejarah dan sosiologi sahaja, tanpa penekanan terhadap aspek bahasa dan makna istilah yang digunakan (Roff 1967). Walaupun kajian orientalis seperti Roff menekankan aspek sejarah dan sosiologi, pendekatan semantik yang dicadangkan dalam makalah ini bertujuan melengkapi perspektif tersebut dengan meneliti dimensi makna dan penggunaan istilah. Dengan cara ini, analisis semantik dapat memperkaya pemahaman terhadap sejauh mana istilah Kaum Muda dan Kaum Tua dibentuk dan dimanipulasi dalam wacana.

Makalah ini mencadangkan satu pendekatan baharu dengan meneliti aspek semantik dalam wacana Kaum Muda dan Kaum Tua sejauh mana yang dibentangkan oleh Roff. Pendekatan semantik membolehkan penganalisisan makna istilah, penggunaan bahasa dan konteks makna yang digunakan oleh kedua-dua aliran, sekali gus membuka ruang untuk memahami sejauh mana bahasa digunakan sebagai alat bagi membentuk dan menyampaikan ideologi. Dengan menggabungkan pendekatan sejarah dan linguistik, makalah ini bertujuan untuk menelusuri sejauh mana makna dibentuk, dipertandingkan dan dimanipulasikan dalam wacana pemikiran Melayu, serta sejauh mana makna tersebut mencerminkan pertembungan pemikiran antara tradisi dan pembaharuan.

Selain itu, makalah ini turut mengambil kira dimensi pragmatik dan wacana kritis dalam memahami sejauh mana istilah-istilah tersebut digunakan dalam konteks sosial dan politik tertentu. Dengan meneliti penggunaan istilah dalam teks Roff dan membandingkannya dengan sumber lain, makalah ini berusaha untuk mengungkap peranan bahasa dalam membingkai realiti dan membentuk pemahaman kolektif tentang sejarah dan identiti Melayu Muslim. Sebelum perbincangan lanjut, makalah ini akan memberikan ringkasan tentang tokoh orientalis yang dibincangkan sebagai latar kepada analisis yang lebih mendalam.

Latar Belakang William R. Roff

William R. Roff merupakan seorang sarjana Barat yang memainkan peranan penting dalam kajian sejarah dan pemikiran masyarakat Melayu Muslim. Dilahirkan pada tahun 1929 di Scotland, Roff memulakan kerjayanya sebagai wartawan dan penerbit dokumentari radio semasa menetap di New Zealand (Roff 1967). Beliau memperoleh ijazah sarjana muda dan sarjana daripada Universiti Victoria, Wellington, sebelum melanjutkan pengajian ke peringkat doktor falsafah di Australian National University. Minat awal beliau terhadap masyarakat Asia Tenggara bermula dengan kajian berkenaan komuniti Buddha di Burma, namun untuk pengajian doktor falsafah, beliau memilih untuk menumpukan perhatian kepada masyarakat Melayu Muslim di Tanah Melayu (Roff 1980).

Kecenderungan Roff terhadap bidang sejarah dan antropologi mendorong beliau untuk menjalankan kerja lapangan secara intensif, termasuk tinggal bersama sebuah keluarga Melayu di Klang sebagai sebahagian daripada kaedah kajian etnografinya. Pengalaman ini bukan sahaja memperkaya pemahaman beliau terhadap budaya dan kehidupan masyarakat Melayu, tetapi juga memberi perspektif langsung terhadap dinamika sosial dan keagamaan yang berlaku ketika itu. Pendekatan etnografi yang digunakan oleh Roff menunjukkan komitmen beliau terhadap pemahaman mendalam dan kontekstual terhadap subjek kajiannya, yang kemudiannya diterjemahkan dalam karya-karya akademik beliau.

Sepanjang kerjayanya, Roff pernah berkhidmat sebagai pensyarah di Universiti Malaya dari tahun 1965 hingga 1969, satu tempoh yang penting dalam sejarah pendidikan tinggi di Malaysia. Beliau kemudiannya berpindah ke Columbia University di Amerika Syarikat dan dianugerahkan gelaran profesor pada tahun 1973. Selepas bersara pada tahun 1991, beliau terus aktif dalam dunia akademik sebagai Felo Kehormat dalam bidang Pengajian Islam dan Timur Tengah di Universiti Edinburgh (*The Guardian* 2013). Sumbangan beliau dalam bidang

pengajian Melayu dan Islam telah diiktiraf secara meluas dan karya-karyanya masih dirujuk sehingga kini.

Karya utama beliau berkenaan masyarakat Melayu, *The Origins of Malay Nationalism* (1967), merupakan kajian penting yang membincangkan kebangkitan nasionalisme Melayu melalui institusi sosial seperti madrasah, percetakan dan gerakan intelektual. Dalam bab "Kaum Muda–Kaum Tua: Innovation and Reaction", Roff membincangkan pertembungan dua aliran pemikiran utama dalam masyarakat Melayu Muslim. Walaupun perbincangan tersebut sering dilihat dari sudut sejarah dan sosiologi, latar belakang akademik dan pengalaman lapangan Roff menunjukkan bahawa beliau turut mempunyai kepekaan terhadap aspek budaya dan bahasa yang mendasari wacana tersebut.

Dengan memahami latar belakang Roff, perspektif beliau sebagai seorang orientalis dan sarjana Barat yang mempengaruhi cara beliau memberi makna terhadap istilah Kaum Muda dan Kaum Tua dapatlah dinilai dengan lebih kritikal. Hal ini penting dalam analisis semantik dan wacana kerana makna istilah tidak hanya bergantung pada konteks linguistik, tetapi juga kepada niat dan latar belakang pengarang yang menggunakannya. Oleh itu, bahagian ini berfungsi sebagai asas kepada analisis yang lebih mendalam dalam bahagian berikutnya.

Kajian Terdahulu Tentang Kaum Muda dan Kaum Tua

Kajian terdahulu berkenaan Kaum Muda dan Kaum Tua telah banyak dilakukan, terutamanya dalam bidang sejarah, penerbitan dan politik. Walau bagaimanapun, pendekatan linguistik dan semantik terhadap istilah-istilah ini masih kurang diberi perhatian. Sebagai contoh, kajian oleh Faisal dan Faizuri (2013) meneliti aliran pemikiran Islam melalui penerbitan *Majalah Pengasuh*, yang menjadi wadah penting dalam penyebaran idea Kaum Tua.

Kajian ini menekankan peranan media dalam menyampaikan pemikiran tradisional Islam, namun tidak mengupas secara mendalam aspek makna dan penggunaan istilah dalam wacana tersebut. Ini seperti kajian oleh Sarim Mustajab (1988) yang berfokus pada aspek penerbitan dan penyebaran idea melalui media cetak, tanpa memberikan perhatian khusus kepada dimensi semantik istilah Kaum Muda dan Kaum Tua. Sementara itu, Mohamad Kamil (1996) membincangkan aliran pemikiran Islam tradisional dan gerakan Islah, namun kajiannya bersifat umum dan tidak memberikan fokus eksklusif kepada istilah yang menjadi subjek utama kajian tersebut. Kajian oleh Kamarul Afendey dan Ishak (2018) melalui buku *Kaum Muda Penggerak Kesedaran Kemerdekaan Tanah Melayu* 1906–1957 menekankan peranan Kaum Muda sebagai penggerak

kesedaran kemerdekaan melalui media, pendidikan dan persatuan. Buku ini memperlihatkan sejauh mana wacana pembaharuan dikaitkan dengan agenda nasionalisme, namun tidak meneliti dimensi semantik istilah secara mendalam. Kajian terdahulu banyak meneliti Kaum Muda dan Kaum Tua dari sudut sejarah dan politik (Faisal dan Faizuri 2013; Sarim 1988), namun kurang memberikan perhatian kepada dimensi makna istilah. Kajian tersebut menunjukkan pola umum yang lebih berfokus pada penerbitan dan gerakan sosial, bukan pada analisis linguistik.

Dalam konteks pemikiran Melayu Muslim, beberapa karya penting telah menjadi rujukan utama dalam memahami perkembangan intelektual masyarakat Melayu di Tanah Melayu. Antaranya ialah *Teori Sosial Moden Islam* (Kassim 1984), *Pemikiran Islam Masa Kini: Sejarah dan Aliran* (Abdul Rahman 1987) dan *Pemikiran Islam di Malaysia* (Abdul Rahman 1997), yang membincangkan pelbagai aliran pemikiran Islam dan pengaruhnya terhadap masyarakat Melayu. Chandra (1988) pula meneliti kebangkitan semula Islam dari sudut sosiopolitik, manakala Jaffary dan Kamarudin (2000; 2007) membincangkan isu-isu semasa dalam pemikiran Islam kontemporari.

Kajian mutakhir pula menekankan wacana identiti dan ideologi dalam konteks masyarakat Islam-Melayu. Norshahril (2011) meneliti sejauh mana ulama membentuk autoriti melalui wacana, manakala Pakpahan (2023) menggunakan analisis wacana kritis untuk mendedahkan hegemoni Islam-Melayu dalam dasar negara. Kajian media baharu (Ng dan Lee 2024) pula menyoroti peranan media digital dalam membentuk ideologi dan identiti. Kajian oleh Ibrahim et al. (2020) telah memberikan sumbangan penting dalam memperbaharui perbincangan tentang Kaum Muda dan Kaum Tua. Dalam makalah "The Fundamentals of the 'Kaum Muda' and 'Kaum Tua' Ideology Social Movements in Malaysia 1970–2017" (Ibrahim et al. 2020), mereka meneliti perkembangan ideologi Islam dalam konteks gerakan sosial moden di Malaysia, termasuk pengaruhnya terhadap organisasi seperti Pertubuhan IKRAM Malaysia, Ikatan Muslimin Malaysia dan Hizbut Tahrir. Selain itu, makalah "Nationalism Ideology in Malaysia Islamic Movements" (Ibrahim 2025) meneliti sejauh mana ideologi nasionalisme dan Islam saling berinteraksi dalam pembentukan wacana politik Melayu-Islam kontemporari. Kedua-dua kajian tersebut turut merujuk kepada pandangan Roff sebagai asas kepada pemahaman sejarah pemikiran Melayu.

Secara keseluruhan, kajian ini menunjukkan bahawa terdapat usaha berterusan untuk memahami pemikiran Melayu-Islam dalam konteks moden. Namun, pendekatan semantik terhadap istilah utama seperti Kaum Muda dan Kaum Tua masih belum menjadi fokus utama. Oleh itu, makalah ini mengisi kekosongan tersebut dengan menggabungkan pendekatan semantik, pragmatik dan analisis

wacana kritis terhadap istilah Kaum Muda dan Kaum Tua dalam teks sejarah, khususnya karya William Roff. Pendekatan ini berbeza daripada kajian terdahulu kerana pendekatan ini meneliti makna istilah sebagai alat ideologi, bukan sekadar label sejarah.

Penulisan Roff Berkaitan Masyarakat Melayu

Karya utama Roff, *The Origins of Malay Nationalism* (1967), merupakan hasil kajian doktor falsafah beliau dan dianggap sebagai sumbangan penting dalam memahami kebangkitan nasionalisme Melayu serta perubahan sosial dalam masyarakat Melayu Muslim. Menurut Harry J. Benda, mentor kepada Roff, karya ini merupakan antara kajian perintis yang membincangkan masyarakat Melayu moden secara mendalam dan sistematik (Benda 1967). Sebelum Roff, tokoh orientalis seperti Stamford Raffles, R. J. Wilkinson dan R. O. Winstedt telah menulis tentang masyarakat Melayu, namun pendekatan mereka lebih bersifat kolonial dan pentadbiran.

Karya Roff menonjol kerana pendekatannya yang lebih empati dan analitis terhadap masyarakat Melayu, termasuk penggunaan sumber tempatan dan interaksi langsung dengan komuniti Melayu. Beliau turut mempelajari tulisan Jawi bagi memahami teks-teks tradisional yang menjadi sumber utama dalam wacana keagamaan dan pemikiran Melayu (Roff 1967). Pandangan beliau sering dianggap sederhana dan bebas daripada sikap etnosentrik, menjadikan karya-karyanya relevan bukan sahaja di Barat tetapi juga di Timur, termasuk Malaysia.

Selain *The Origins of Malay Nationalism*, Roff telah menghasilkan beberapa karya lain yang berkaitan dengan masyarakat Melayu dan Islam di Asia Tenggara, antaranya karya *Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State* (1974), *Bibliography of Malay and Arabic Periodicals Published in the Straits Settlements and Peninsular Malay States 1876–1941* (1972), *Social Sciences Approaches to Understanding Rituals: The Special Case of the Hajj* (2001), *Pondoks, Madrasas and the Production of 'Ulama in Malaysia'* (2004) dan *Studies on Islam and Society in Southeast Asia* (2009).

Karya-karya ini menunjukkan keluasan serta kedalaman pemahaman Roff terhadap masyarakat Melayu, khususnya dalam aspek perubahan sosial, pendidikan agama dan pembentukan pemikiran. Makalah ini memilih pandangan Roff sebagai asas kerana beliau bukan sahaja mengkaji masyarakat Melayu dari sudut sejarah dan sosiologi, tetapi juga memberikan perhatian kepada bahasa dan wacana yang digunakan dalam membentuk ideologi dan identiti Melayu.

Dengan latar akademik yang kukuh dan pendekatan yang holistik, pandangan Roff menjadi rujukan utama dalam pelbagai kajian kontemporari berkenaan nasionalisme dan pemikiran Melayu, termasuk karya oleh Yong dan McKenna (1990), Cheah (1983) dan Abdul Rahman Embong (2002). Makalah ini akan meneliti secara khusus sejauh mana Roff menggunakan istilah dan makna dalam membincangkan pertembungan Kaum Muda dan Kaum Tua, serta sejauh mana pendekatan semantik dapat memperkaya pemahaman terhadap wacana tersebut.

Kerangka Teori: Pendekatan Semantik dalam Analisis Wacana Ideologi

Kajian ini menggunakan gabungan pendekatan semantik kontekstual, semantik kritis dan teori medan makna untuk menganalisis penggunaan istilah Kaum Muda dan Kaum Tua dalam bab "Kaum Muda–Kaum Tua: Innovation and Reaction" dalam karya *The Origins of Malay Nationalism* oleh Roff (1967). Integrasi ini membolehkan analisis dilakukan pada tiga aras iaitu variasi makna mengikut konteks sejarah dan sosial, jaringan istilah yang membentuk kategori ideologi dan strategi wacana yang menstrukturkan kuasa dan legitimasi. Dengan kata lain, setiap kerangka menyumbang perspektif berbeza tetapi saling melengkapi untuk menjawab persoalan utama kajian.

Semantik kontekstual

Semantik kontekstual menekankan bahawa makna sesuatu istilah tidak bersifat tetap atau mutlak, tetapi bergantung kepada konteks penggunaannya baik dari segi sejarah, sosial, mahupun budaya (Cruse 1986). Dalam kajian ini, semantik kontekstual digunakan untuk meneliti sejauh mana istilah Kaum Muda dan Kaum Tua memperoleh makna berbeza dalam konteks kolonial, pascakolonial dan wacana nasionalisme. Contohnya, istilah "muda" bukan sekadar merujuk kepada usia, tetapi dikaitkan dengan inovasi dan rasionalisme, manakala "tua" dikaitkan dengan tradisi dan autoriti agama.

Istilah Kaum Muda dan Kaum Tua tidak bersifat tetap, tetapi berubah mengikut konteks. Dalam era kolonial, Kaum Muda dikaitkan dengan reformis dan anti-taklid, manakala Kaum Tua dilihat sebagai penjaga tradisi. Dalam era pascakolonial, makna ini berkembang, dengan Kaum Muda dikaitkan dengan nasionalisme dan kemodenan, sementara Kaum Tua berperanan dalam institusi agama rasmi. Bahagian ini menekankan prinsip utama semantik kontekstual iaitu makna dibentuk melalui interaksi istilah dengan konteks sejarah, sosial dan budaya.

Semantik kritis dan analisis wacana kritis

Semantik kritis, yang berkait rapat dengan analisis wacana kritis (Fairclough 2015; van Dijk 2015), melihat bahasa sebagai alat kuasa dan ideologi. Dalam kajian ini, analisis wacana kritis digunakan untuk menjelaskan sejauh mana istilah Kaum Muda dan Kaum Tua bukan sekadar label neutral, tetapi sebahagian daripada strategi wacana yang membingkai inovasi sebagai progresif dan tradisi sebagai reaktif. Pendekatan ini meneliti dimensi kuasa dalam teks Roff, termasuk sejauh mana istilah tersebut menormalisasikan dikotomi "pembaharuan atau konservatisme" dan sejauh mana istilah tersebut diulang serta diolah semula dalam wacana nasionalisme Melayu. Kerangka yang digunakan berpandukan pendekatan Fairclough (2015) dan van Dijk (2015), serta disokong oleh kajian kontemporari tentang wacana politik Malaysia (Rajandran dan Lee 2023) yang menekankan hubungan antara pilihan leksikal, ideologi dan legitimasi kuasa.

Teori medan makna

Teori medan makna digunakan untuk mengenal pasti kelompok istilah yang berkaitan dengan Kaum Muda dan Kaum Tua, seperti ijtihad, taklid, pembaharuan, tradisi, agama dan kemodenan. Menurut Lehrer (1974), medan makna merujuk kepada kumpulan leksikal yang berkongsi domain semantik yang sama dan saling memperkuat makna antara satu sama lain. Dengan mengenal pasti medan makna ini, kajian dapat menganalisis struktur semantik yang dibina dalam wacana Roff dan sejauh mana struktur tersebut mencerminkan pertembungan pemikiran dalam masyarakat Melayu Muslim. Gabungan ketiga-tiga pendekatan ini membolehkan makalah ini menganalisis istilah Kaum Muda dan Kaum Tua secara lebih menyeluruh, bukan sahaja dari segi makna linguistik, tetapi juga dari segi fungsi sosial dan ideologinya. Makalah ini meneliti sejauh mana istilah tersebut digunakan untuk membentuk naratif tentang intelektualisme Melayu Muslim, serta sejauh mana makna istilah tersebut berkembang dan diterima dalam masyarakat Melayu dari zaman kolonial hingga ke era pascakolonial. Pendekatan ini membantu memetakan jaringan semantik yang membentuk kategori ideologi dalam wacana tersebut. Sebagai contoh, istilah "ijtihad" dan "pembaharuan" sering muncul dalam medan makna Kaum Muda, manakala "taklid" dan "tradisi" mendominasi medan makna Kaum Tua. Analisis ini membolehkan kita melihat sejauh mana pemilihan istilah tertentu mengukuhkan dikotomi ideologi dalam teks.

Integrasi ini membolehkan kajian bergerak melampaui deskripsi sejarah kepada analisis multilapisan termasuk makna linguistik, struktur semantik dan fungsi ideologi. Pendekatan ini berbeza daripada kajian terdahulu yang hanya

menekankan kronologi atau politik, kerana ia meneliti sejauh mana bahasa berperanan dalam membentuk naratif intelektualisme Melayu. Dengan itu, kajian ini menyumbang bukan sahaja kepada sejarah pemikiran, tetapi juga kepada bidang linguistik, analisis wacana dan kajian ideologi.

Metodologi Kajian

Makalah ini menggunakan pendekatan kualitatif yang bersifat deskriptif-analitis, dengan tujuan untuk memahami secara mendalam penggunaan istilah Kaum Muda dan Kaum Tua dalam karya Roff, khususnya dalam bab "Kaum Muda–Kaum Tua: Innovation and Reaction". Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik menelusuri makna istilah bukan sahaja dari sudut literal, tetapi juga dari sudut sosial, ideologi dan sejarah yang terkandung dalam penggunaannya dalam wacana pemikiran Melayu Muslim.

Pemilihan teks Roff sebagai subjek utama kajian berdasarkan kepentingannya dalam membentuk naratif sejarah dan ideologi Melayu. Karya tersebut bukan sahaja menjadi rujukan penting dalam kajian nasionalisme Melayu, tetapi juga mengandungi perbincangan yang kaya tentang dinamika intelektual masyarakat Melayu pada awal abad ke-20. Bab yang menjadi fokus kajian ini membincangkan secara langsung pertembungan antara dua aliran pemikiran utama, iaitu Kaum Muda yang membawa semangat pembaharuan dan Kaum Tua yang mempertahankan tradisi. Oleh itu, teks ini menyediakan ruang yang sesuai untuk analisis semantik terhadap istilah yang digunakan dalam membingkai wacana tersebut.

Data kajian diperoleh daripada sumber primer dan sekunder yang dikumpulkan melalui kajian perpustakaan dan arkib akademik. Sumber primer terdiri daripada karya utama Roff, manakala sumber sekunder merangkumi karya-karya lain oleh Roff seperti *Kelantan: Religion, Society, and Politics in a Malay State* (1974) dan *Studies on Islam and Society in Southeast Asia* (2009), serta penulisan oleh sarjana lain seperti Benda (1967), Milner (1982) dan Abdul Rahman Embong (2002). Sumber-sumber ini digunakan untuk membina konteks sejarah dan intelektual yang menyokong analisis terhadap penggunaan istilah dalam teks utama.

Analisis data dijalankan melalui tiga pendekatan yang saling melengkapi, iaitu analisis sejarah, analisis kandungan dan analisis semantik. Analisis sejarah digunakan untuk memahami latar sosial dan politik masyarakat Melayu pada zaman kolonial dan pascakolonial, khususnya dalam konteks kebangkitan nasionalisme dan perubahan dalam institusi sosial. Pendekatan ini membantu menjelaskan sejauh mana konteks sejarah mempengaruhi pembentukan makna istilah Kaum Muda dan Kaum Tua.

Seterusnya, analisis kandungan digunakan untuk meneliti teks secara sistematik, dengan fokus kepada istilah dan naratif yang digunakan oleh Roff. Kaedah ini melibatkan pengekstrakan istilah utama, penentuan konteks penggunaannya dan pentafsiran makna yang dibawa dalam wacana tersebut. Melalui analisis ini, kajian dapat mengenal pasti pola penggunaan bahasa dan strategi retorik yang digunakan dalam pembentukan wacana ideologi.

Akhir sekali, analisis semantik diterapkan untuk meneliti makna istilah Kaum Muda dan Kaum Tua dari sudut semantik kontekstual dan kritis. Pendekatan semantik kontekstual menekankan bahawa makna sesuatu istilah bergantung kepada konteks penggunaannya, manakala semantik kritis melihat bahasa sebagai alat kuasa dan ideologi. Kajian ini turut mengenal pasti *semantic field* atau medan makna yang berkaitan dengan kedua-dua istilah, seperti ijtihad, taklid, pembaharuan, tradisi dan agama. Analisis ini membolehkan kajian memahami sejauh mana makna istilah dibentuk, dipertandingkan dan dimanipulasi dalam wacana sejarah dan sosial, serta sejauh mana bahasa digunakan untuk membentuk persepsi terhadap kelompok intelektual Melayu.

Secara keseluruhan, pendekatan metodologi yang digunakan dalam makalah ini membolehkan penulis menghasilkan analisis yang menyeluruh dan mendalam terhadap penggunaan istilah Kaum Muda dan Kaum Tua, serta menyumbang kepada pemahaman yang lebih luas tentang peranan bahasa dalam pembentukan ideologi dan sejarah intelektual masyarakat Melayu Muslim.

Analisis dan Perbincangan

Analisis persejarahan: Konteks pemikiran Melayu Muslim

Analisis persejarahan dalam makalah ini bertujuan untuk memahami latar sosial, politik dan intelektual yang membentuk pertembungan antara Kaum Muda dan Kaum Tua dalam masyarakat Melayu Muslim. Roff (1967), dalam karya pentingnya *The Origins of Malay Nationalism*, menekankan bahawa pertembungan ini berlaku dalam konteks perubahan besar yang melanda Tanah Melayu pada akhir abad ke-19 serta awal abad ke-20. Antara faktor utama yang mencetuskan perubahan ini termasuklah pengaruh kolonialisme British, kemunculan media cetak dan pembaharuan sistem pendidikan yang memperkenalkan elemen-elemen moden ke dalam struktur sosial tradisional. Dalam kerangka analisis wacana kritis, faktor-faktor ini bukan sekadar latar, tetapi sebahagian daripada struktur kuasa yang membentuk wacana. Kolonialisme, misalnya, memanfaatkan dikotomi "tradisi atau pembaharuan" untuk mengawal autoriti agama dan menstrukturkan semula institusi pendidikan Islam, menjadikan bahasa sebagai alat hegemoni.

Pertembungan antara Kaum Muda dan Kaum Tua tidak hanya berlaku dalam aspek ideologi dan pendekatan keagamaan semata-mata, tetapi turut dizahirkan melalui interaksi dan konflik antara tokoh-tokoh utama kedua-dua aliran. Kaum Tua, yang berakar dalam sistem pendidikan pondok dan tradisi keilmuan Islam klasik, memainkan peranan penting dalam mempertahankan nilai-nilai tradisional yang diwarisi turun-temurun. Tokoh seperti Tok Kenali (Haji Muhammad Yusuf bin Ahmad) menjadi simbol kekuatan pendidikan pondok dan keilmuan tradisional. Walaupun beliau dikenali sebagai seorang yang sederhana dan dihormati oleh kedua-dua pihak, Tok Kenali tetap berpegang kepada pendekatan tradisional dan tidak menyokong secara terbuka pendekatan radikal yang dibawa oleh Kaum Muda. Murid-murid beliau seperti Haji Wan Musa dan Haji Abdullah Tahir pula lebih lantang dalam menolak gagasan pembaharuan yang dianggap mengancam kestabilan tradisi. Namun begitu, sikap Tok Kenali yang sederhana menunjukkan bahawa dikotomi ini tidak mutlak, sebaliknya wujud ruang tawar-menawar dan ambiguiti dalam posisi ideologi.

Syeikh Daud al-Fatani dan Syeikh Ahmad al-Fatani turut menjadi rujukan penting dalam kalangan Kaum Tua. Walaupun mereka hidup sebelum kemunculan rasmi Kaum Muda, karya-karya mereka sering digunakan untuk mempertahankan pendekatan tasawuf, mazhab Shafi'i dan sistem pengajaran tradisional. Penekanan terhadap autoriti keilmuan dan kesinambungan tradisi menjadikan Kaum Tua sebagai benteng utama dalam mempertahankan struktur sosial dan keagamaan yang sedia ada.

Sebaliknya, Kaum Muda tampil dengan pendekatan pembaharuan yang lebih rasional dan terbuka terhadap ilmu moden. Tokoh-tokoh seperti Syed Tahir Jalaluddin, Syed Syeikh Al Hadi dan Haji Abdul Malik Karim Amrullah (HAMKA) membawa pengaruh pemikiran reformis dari Timur Tengah, khususnya daripada gerakan Islah yang diasaskan oleh Muhammad Abduh dan Jamaluddin al-Afghani. Mereka menyeru kepada ijtihad, menolak taklid buta dan memperjuangkan pendidikan moden yang menggabungkan ilmu agama dan ilmu duniawi. Dalam perspektif ideologi, istilah "pembaharuan" bukan sekadar konsep agama, tetapi berfungsi sebagai simbol legitimasi intelektual yang mencabar autoriti tradisional.

Pertembungan ini dapat dilihat dalam pelbagai medium, termasuk penerbitan majalah seperti Al-Imam dan Pengasuh, khutbah, penulisan kitab dan ceramah umum. Kaum Tua sering menuduh Kaum Muda membawa ajaran baharu yang menyesatkan, manakala Kaum Muda pula mengkritik Kaum Tua sebagai jumud dan tidak responsif terhadap cabaran zaman. Dalam bab "Kaum Muda–Kaum Tua: Innovation and Reaction", Roff (1967, 160) menyatakan:

> Akhbar telah menjadi medan pertarungan idea, di mana golongan reformis Kaum Muda mencabar pegangan ortodoks lama bukan sahaja dalam soal teologi, tetapi juga dalam struktur masyarakat Melayu itu sendiri [terjemahan oleh penulis].

Petikan ini menegaskan bahawa media bukan sekadar saluran komunikasi, tetapi medan kuasa yang membentuk wacana hegemoni tentang kemodenan dan tradisi. Media cetak menjadi medan utama penyebaran idea pembaharuan dan istilah Kaum Muda dan Kaum Tua mula digunakan secara meluas dalam wacana umum, bukan sahaja dalam kalangan ulama tetapi juga dalam kalangan masyarakat awam.

Roff turut mengaitkan pertembungan ini dengan kebangkitan nasionalisme Melayu. Kaum Muda, dengan pendekatan yang lebih progresif, mula menyuarakan keperluan untuk kemerdekaan dan pembentukan identiti bangsa. Sebaliknya, Kaum Tua lebih berhati-hati dan cenderung kepada pendekatan yang mengekalkan hubungan dengan struktur tradisional dan kolonial. Di sinilah istilah Kaum Muda dan Kaum Tua berfungsi sebagai "label ideologi" yang mengatur persepsi tentang siapa yang sah memimpin perubahan dan siapa yang dianggap penghalang kemajuan.

Analisis persejarahan ini menunjukkan bahawa istilah Kaum Muda dan Kaum Tua tidak muncul secara spontan, tetapi dibentuk melalui proses sejarah yang kompleks yang melibatkan pendidikan, penerbitan, kolonialisme dan kebangkitan nasionalisme. Namun, dikotomi ini tidak sepenuhnya stabil apabila wujud pertindihan makna dan strategi wacana yang dipertandingkan. Kesedaran terhadap ambiguiti ini penting agar analisis semantik tidak mengukuhkan binari secara tidak kritis. William Roff berjaya merakam pertembungan ini dalam kerangka sejarah sosial yang menyeluruh, menjadikan istilah tersebut bukan sahaja sebagai kategori pemikiran, tetapi juga sebagai naratif sejarah yang membentuk pemahaman kita terhadap masyarakat Melayu moden. Perbincangan ideologi ini masih berlaku dalam wacana kontemporari tentang autoriti ulama, pendidikan Islam dan identiti Melayu Muslim, termasuk dalam media digital dan perdebatan dasar negara.

Analisis kandungan: Penstrukturan wacana dalam karya Roff

Analisis kandungan dalam makalah ini bertujuan untuk meneliti sejauh mana Roff membina naratif tentang pertembungan antara Kaum Muda dan Kaum Tua melalui struktur teks, pemilihan istilah dan penyusunan hujah dalam bab "Kaum Muda–Kaum Tua: Innovation and Reaction" dalam *The Origins of Malay Nationalism* (1967). Pendekatan ini membolehkan kajian mengenal pasti strategi

penulisan, pola hujah dan penggunaan istilah utama yang membentuk wacana pemikiran Melayu dalam teks tersebut. Analisis ini tidak hanya memberikan deskripsi struktur, tetapi meneliti sejauh mana struktur tersebut berfungsi sebagai alat ideologi yang menormalisasi dikotomi "pembaharuan atau tradisi" dan mengatur persepsi tentang legitimasi dan kemodenan.

Bab yang dianalisis disusun secara kronologis dan tematik, bermula dengan pengenalan kepada kemunculan gerakan reformis, diikuti dengan peranan media dan pendidikan, reaksi institusi tradisional dan akhirnya perbandingan ideologi antara kedua-dua aliran. Struktur ini menunjukkan bahawa Roff tidak sekadar melaporkan fakta sejarah, tetapi membina naratif yang menekankan dinamik perubahan dan konflik dalam masyarakat Melayu Muslim. Pendekatan naratif sejarah yang diselang seli dengan analisis sosial menjadikan teks tersebut bersifat deskriptif dan pada masa yang sama interpretatif.

Roff menggunakan istilah seperti *innovation* (inovasi), *reaction* (tindak balas), *reform* (pembaharuan), *orthodoxy* (keortodoksan) dan *reinterpretation* (interpretasi semula) secara konsisten untuk menggambarkan perbezaan antara Kaum Muda dan Kaum Tua. Gaya bahasa beliau bersifat akademik tetapi mudah difahami, dengan penggunaan istilah yang membawa makna ideologi yang tersirat. Sebagai contoh, dalam satu petikan penting, Roff (1967, 162) menyatakan:

> Golongan reformis, yang dipengaruhi oleh pemikiran Timur Tengah, berusaha untuk mentafsir semula prinsip-prinsip Islam berdasarkan cabaran semasa, manakala golongan tradisionalis mempertahankan kesucian tafsiran yang diwarisi [terjemahan oleh penulis].

Dikotomi ini bukan neutral, malah mengandungi penilaian normatif yang mengaitkan pembaharuan dengan rasionalisme dan kemodenan, manakala tradisi dengan statik dan ortodoksi. Keadaan ini selari dengan kerangka analisis wacana kritis yang menekankan bahawa pilihan leksikal merupakan strategi kuasa.

Selain itu, Roff turut merujuk kepada penerbitan tempatan seperti *Al-Imam*, *Al-Munir* dan *Pengasuh*, serta tokoh-tokoh seperti Syed Sheikh al-Hadi dan Tok Kenali. Hal ini menunjukkan bahawa beliau tidak hanya bergantung kepada sumber kolonial atau Barat, tetapi juga menggabungkan sumber tempatan dalam pembinaan wacana. Pendekatan ini memberi kredibiliti kepada analisis beliau dan menunjukkan kepekaan terhadap konteks tempatan yang menjadi subjek kajian.

Analisis kandungan juga menunjukkan bahawa Roff memberi ruang kepada suara tempatan, walaupun beliau menulis dari perspektif orientalis. Perkara ini menjadikan karya beliau lebih seimbang dan relevan dalam konteks kajian pemikiran Melayu. Roff membina hujah dengan menekankan bahawa pertembungan antara Kaum Muda dan Kaum Tua bukan sahaja berlaku dalam ruang keagamaan, tetapi juga dalam bidang pendidikan, penerbitan dan politik. Beliau menonjolkan Kaum Muda membawa pendekatan yang lebih terbuka terhadap perubahan dan kemodenan, manakala Kaum Tua lebih berhati-hati dan berpegang kepada nilai-nilai tradisional yang diwarisi.

Pola hujah yang dibina oleh Roff menunjukkan bahawa beliau melihat pertembungan ini sebagai sebahagian daripada proses pembentukan nasionalisme Melayu, bukan sekadar konflik teologi. Dengan menstrukturkan naratif secara kronologi dan tematik, serta menggunakan istilah yang sarat dengan makna ideologi, Roff berjaya membina satu wacana yang kompleks tetapi mudah difahami. Ini membolehkan pembaca memahami bukan sahaja fakta sejarah, tetapi juga dinamika ideologi yang membentuk masyarakat Melayu Muslim pada awal abad ke-20.

Secara keseluruhannya, analisis kandungan terhadap teks Roff menunjukkan bahawa beliau membina wacana pemikiran Melayu melalui struktur naratif yang jelas, pemilihan istilah yang bermakna dan penggunaan sumber tempatan yang relevan. Namun demikian, dengan menggabungkan analisis semantik dan analisis wacana, kajian ini bukan sahaja meneliti struktur dan istilah, tetapi juga sejauh mana perkara tersebut berfungsi untuk menormalisasi hierarki nilai dan kuasa. Pendekatan ini membolehkan kajian ini mengungkap bahawa istilah Kaum Muda dan Kaum Tua bukan sekadar label sejarah, tetapi alat ideologi yang terus bergema dalam wacana kontemporari.

Analisis semantik: Makna dan kuasa dalam istilah Kaum Muda dan Kaum Tua

Dalam bab "Kaum Muda–Kaum Tua: Innovation and Reaction" karya Roff (1967), istilah Kaum Muda dan Kaum Tua digunakan bukan sekadar sebagai label atau identiti kelompok, tetapi sebagai representatif ideologi dan identiti intelektual Melayu Muslim. Makalah ini menggunakan pendekatan semantik kontekstual dan semantik kritis untuk meneliti sejauh mana makna istilah tersebut dibentuk, disebarkan dan dimanipulasi dalam wacana sejarah dan sosial. Pendekatan ini membolehkan penelitian bukan sahaja dari segi makna leksikal, tetapi juga sejauh mana istilah ini berfungsi sebagai alat kuasa yang menstrukturkan persepsi tentang legitimasi, kemodenan dan autoriti.

Secara semantik, istilah Kaum Muda membawa konotasi pembaharuan, rasionalisme dan keterbukaan terhadap ilmu moden. Sebaliknya, Kaum Tua dikaitkan dengan konservatisme, tradisionalisme dan pengekalan autoriti ulama. Dalam teks Roff, istilah *innovation* dan *reaction* digunakan sebagai tajuk bab, yang secara langsung membina dikotomi semantik antara gerakan dan balasan, perubahan dan pengekalan. Pilihan istilah ini bukan neutral, ia mengimplikasikan nilai normatif yang mengaitkan inovasi dengan progresif dan reaksi selari dengan strategi wacana hegemoni yang dibincangkan dalam analisis wacana (Fairclough 2015; van Dijk 2015). Ini menunjukkan bahawa Roff tidak hanya melaporkan pertembungan pemikiran, tetapi turut membingkai makna istilah melalui pilihan leksikal yang sarat dengan nilai ideologi. Sebagai contoh, Roff (1967, 157) menyatakan:

> Kelompok Kaum Muda berusaha memberi tafsiran baharu kepada ajaran Islam agar sejajar dengan keperluan semasa, sementara Kaum Tua kekal berpegang pada tafsiran tradisional yang diwariskan dari generasi ke generasi [terjemahan oleh penulis].

Dikotomi ini membentuk persepsi ideologi yang menormalisasi pembaharuan sebagai rasional dan tradisi sebagai statik, walaupun realitinya lebih kompleks. Menggunakan pendekatan Teori Medan Makna (Cruse 1986), istilah Kaum Muda dan Kaum Tua boleh dianalisis melalui jaringan istilah yang berkaitan, seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1. Medan makna istilah Kaum Muda dan Kaum Tua

Istilah utama	Istilah berkaitan	Konotasi
Kaum Muda	Ijtihad; Islah; Tajdid; Rasionalisme; Kemajuan	Positif; Progresif
Kaum Tua	Taklid; Tradisi; Pondok; Autoriti ulama; Tasawuf	Stabil; Konservatif

Walaupun jadual ini berguna untuk memetakan medan makna namun wujud risiko pengukuhan binari sekiranya pertindihan dan ambiguiti tidak diakui. Sebagai contoh, istilah seperti "tajdid" boleh digunakan oleh kedua-dua pihak dalam konteks berbeza dan tokoh tertentu mungkin progresif dalam isu pendidikan tetapi konservatif dalam isu akidah. Oleh itu, analisis ini menekankan bahawa medan makna bersifat dinamik dan dipertandingkan. Dalam konteks Tanah Melayu awal abad ke-20, istilah Kaum Muda dan Kaum Tua bukan sahaja digunakan dalam teks akademik, tetapi juga dalam penerbitan seperti *Al-Imam* dan *Pengasuh*. Kajian oleh Faisal dan Faizuri (2013) menyatakan bahawa istilah ini digunakan secara aktif dalam membentuk wacana keagamaan dan pendidikan, menjadikannya sebahagian daripada perdebatan sosial yang lebih luas.

Roff sendiri menyedari bahawa istilah ini telah menjadi sebahagian daripada wacana sosial Melayu dan beliau menggunakan istilah tersebut dengan berhati-hati, sambil mengakui bahawa ia membawa makna yang berbeza kepada pelbagai pihak. Dalam hal ini, pendekatan semantik kritis (Fairclough 2015) membolehkan kita melihat sejauh mana istilah ini digunakan untuk membentuk kuasa dan ideologi. Dalam konteks kolonial, Kaum Muda sering digambarkan sebagai ancaman kepada kestabilan, manakala Kaum Tua sebagai penyokong status quo. Dalam konteks pascakolonial, dikotomi ini diolah semula dalam wacana negara bangsa, misalnya melalui dasar pendidikan Islam dan penginstitusian autoriti agama.

Penerimaan istilah ini diterima umum. Istilah ini juga diguna pakai oleh tokoh nasionalis seperti Ahmad Boestamam, yang menterjemahkan karya Roff ke dalam bahasa Melayu, ahli akademik dan buku-buku teks menunjukkan bahawa istilah tersebut telah melampaui sempadan akademik dan menjadi sebahagian daripada wacana politik dan sosial. Hal ini membuktikan bahawa makna istilah bukan sahaja dibentuk oleh penulis, tetapi juga oleh penerima dan pengguna dalam konteks yang berbeza.

Secara keseluruhannya, analisis semantik terhadap istilah Kaum Muda dan Kaum Tua dalam karya Roff menunjukkan bahawa bahasa memainkan peranan penting dalam membentuk ideologi dan persepsi sosial. Dengan menggabungkan analisis semantik dan analisis wacana, kajian ini meneliti sejauh mana istilah ini bukan sahaja mencerminkan pertembungan pemikiran, tetapi juga berfungsi sebagai alat wacana yang menstrukturkan kuasa, legitimasi dan identiti, suatu dimensi yang jarang disentuh oleh kajian sejarah konvensional. Kerelevanan istilah ini masih ketara dalam perbahasan kontemporari tentang autoriti ulama, pendidikan Islam dan identiti Melayu Muslim, termasuk dalam media digital.

Kesimpulan

Makalah ini telah meneliti pertembungan aliran pemikiran dalam masyarakat Melayu Muslim melalui analisis semantik terhadap istilah Kaum Muda dan Kaum Tua dalam karya Roff, khususnya dalam bab "Kaum Muda–Kaum Tua: Innovation and Reaction" dalam *The Origins of Malay Nationalism* (1967). Dengan menggunakan pendekatan kualitatif yang menggabungkan analisis sejarah, kandungan dan semantik, kajian ini membuktikan bahawa istilah tersebut bukan sekadar label kelompok, tetapi merupakan representasi ideologi, identiti dan kuasa wacana yang membentuk pemikiran Melayu moden.

Melalui pendekatan semantik kontekstual dan kritis, kajian ini menunjukkan bahawa makna istilah Kaum Muda dan Kaum Tua dibentuk dalam konteks sosial, politik dan intelektual yang kompleks. Istilah-istilah ini membawa konotasi yang berbeza bergantung kepada siapa yang menggunakan, konteks penggunaan dan tujuan penggunaan istilah tersebut. Dalam teks Roff, penggunaan istilah ini bukan sahaja menggambarkan perbezaan teologi atau pendekatan keagamaan, tetapi turut membentuk naratif yang lebih luas tentang perubahan sosial, pendidikan dan nasionalisme dalam masyarakat Melayu Muslim.

Analisis kandungan menunjukkan bahawa Roff membina wacana yang tersusun dan sarat dengan makna ideologi melalui pemilihan istilah, struktur naratif dan penggunaan sumber tempatan. Beliau tidak hanya melaporkan fakta sejarah, tetapi turut membingkai makna melalui strategi penulisan yang halus dan berlapis. Sementara itu, analisis semantik memperlihatkan sejauh mana istilah Kaum Muda dan Kaum Tua berfungsi dalam medan makna yang lebih luas, saling berkait dengan istilah seperti ijtihad, taklid, pembaharuan dan tradisi, yang kesemuanya membentuk persepsi terhadap dua kutub pemikiran yang berbeza.

Makalah ini juga membuktikan bahawa pendekatan semantik dapat memperkaya pemahaman terhadap teks sejarah dan wacana pemikiran, dengan meneliti sejauh mana makna dibentuk, dipertandingkan dan dimanipulasi dalam teks. Integrasi semantik kontekstual, medan makna dan analisis wacana membolehkan kajian ini melangkaui deskripsi sejarah kepada analisis multi-lapisan yang mendedahkan mekanisme linguistik dalam pembentukan kuasa dan identiti suatu dimensi yang jarang disentuh oleh kajian terdahulu. Dari segi teori, kajian ini menyumbang kepada pengayaan analisis wacana Melayu melalui pendekatan semantik kritis dari segi praktikal, ia memberi asas untuk memahami sejauh mana bahasa boleh digunakan untuk membingkai legitimasi dan kuasa dalam wacana agama dan politik. Dari sudut limitasi, kajian ini terhad kepada teks Roff dan sumber terpilih, kajian lanjutan boleh meneliti korpus penerbitan Melayu yang lebih luas atau menganalisis wacana digital untuk melihat kesinambungan dan transformasi makna istilah ini.

Rujukan

Abdul Rahman Abdullah. 1997. *Pemikiran Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Rahman Abdullah. 1987. *Pemikiran Islam masa kini: Sejarah dan aliran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Rahman Embong. 2002. *State-led modernization and the new middle class in Malaysia*. Basingstoke: Palgrave Macmillan.

Benda, H.J. 1967. Review of the origins of Malay nationalism, by W.R. Roff. *Journal of Asian Studies* 26(4): 789–791.

Chandra Muzaffar. 1988. *Kebangkitan semula Islam di Malaysia*. Selangor, Malaysia: Penerbit Fajar Bakti.

Cheah, B.K. 1983. *Red star over Malaya: Resistance and social conflict during and after the Japanese occupation of Malaya, 1941–1946*. Singapore: Singapore University Press.

Cruse, D.A. 1986. *Lexical semantics*. Cambridge: Cambridge University Press.

Fairclough, N. 2015. *Language and power*. 3rd Ed. London: Routledge.

Faisal Hamid dan Faizuri Abdul Latif. 2013. Pemikiran Islam dalam *Majalah Pengasuh*: Satu analisis. *Jurnal Usuluddin* 37: 1–20.

Ibrahim Majdi Mohamad Kamil. 2025. Nationalism ideology in Malaysia Islamic movements. *Gading Journal for the Social Sciences* 28(1): 179–185. https://doi.org/10.24191/gading.v28i1.499

Ibrahim Majdi Mohamad Kamil, Nur Farhana Abdul Pazil, Mohamad Hilmi Mohamad Haled dan Azarudin Ibrahim. 2020. The fundamentals of the "Kaum Muda" and "Kaum Tua" ideology social movements in Malaysia 1970–2017. *Psychology and Education* 57(9): 2437–2443.

Jaffary Awang dan Kamarudin Salleh. 2007. *Pemikiran Islam dan isu-isu semasa*. 2nd Ed. Selangor, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Jaffary Awang dan Kamarudin Salleh. 2000. *Pemikiran Islam dan isu-isu semasa*. Selangor, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kamarul Afendey Hamimi dan Ishak Saat. 2018. *Kaum Muda penggerak kesedaran kemerdekaan Tanah Melayu 1906–1957*. Perak, Malaysia: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Kassim Ahmad. 1984. *Teori sosial moden Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Milner, A. 1982. *Kerajaan: Malay political culture on the eve of colonial rule*. Tucson: University of Arizona Press.

Mohamad Kamil. 1996. *Gerakan Islah dan tradisionalisme Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Mohamad Saleeh Rahamad. 2014. *Oksidentalisme dalam sastera Melayu: Sebelum merdeka hingga era Mahathir Mohamad*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.

Ng, W.L. and Lee, K.T. 2024. How new media affecting cultural identity: Case studies from Malaysia. *Scope: Journal of Communication Studies* 4(2): 1349–1367. https://doi.org/10.5281/zenodo.15083743

Norshahril Saat. 2011. Islamising Malayness: Ulama discourse and authority in contemporary Malaysia. *Contemporary Islam* 6(2): 135–153. https://doi.org/10.1007/s11562-011-0172-9

Pakpahan, S. 2023. Islam, ethnicity and the state: Identity politics in Malaysian public policy. *Asia Pacific Journal on Religion and Society* 7(2): 63–74. https://doi.org/10.24191/apjrs.v7i2.37344

Rajandran, K. and Lee, C., eds. 2023. *Discursive approaches to politics in Malaysia: Legitimising governance*. London: Routledge. https://doi.org/10.1007/978-981-19-5334-7

Roff, W.R. 1980. *The origins of Malay nationalism*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Roff, W.R. 1967. *The origins of Malay nationalism*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

Sarim Mustajab. 1988. *Peranan penerbitan dalam penyebaran pemikiran Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

The Guardian. 2013. Obituary: William R. Roff. Retrieved from https://www.theguardian.com (accessed 11 April 2025).

Van Dijk, T.A. 2015. Critical discourse analysis. In *The handbook of discourse analysis*, eds. D. Tannen, H.E. Hamilton and D. Schiffrin, 466–485. 2nd Ed. Chichester: John Wiley & Sons. https://doi.org/10.1002/9781118584194.ch22

Yong, C.F. and McKenna, R.B. 1990. *The Kuomintang movement in British Malaya 1912–1949*. Singapore: Singapore University Press.